

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : ISU KESIHATAN DAN KESELAMATAN DI KAWASAN TANAH
TERBIAR**

261. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sekiranya terdapat kawasan-kawasan tanah terbiar yang menyumbang kepada isu kesihatan seperti pembiakkan nyamuk ataupun haiwan liar seperti ular, apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri dengan kadar segera? (termasuk tanah persendirian dan kerajaan).

JAWAPAN:

- a) Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa menjalankan aktiviti kawalan pembersihan lot tanah dan rumah kosong / terbiar berdasarkan daripada pemantauan di tapak dan aduan yang diterima. Prosedur tindakan ke atas lot tanah dan rumah kosong / terbiar yang dijalankan adalah seperti berikut:
1. Mengenal pasti pemilik terkini lot tanah dan rumah kosong / terbiar tersebut melalui carian di Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Jabatan Perancang, Pejabat Tanah Daerah atau Pejabat Tanah & Galian Negeri Selangor.
 2. Mengeluarkan Notis Menghapuskan Kacau Ganggu di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 kepada pemilik. Pemilik diberi tempoh bagi membersihkan dan mengikuti arahan yang telah di nyatakan di dalam notis.
 3. Mengenakan kompuan sekiranya pemilik premis tidak menjalankan apa-apa tindakan selepas tamat tempoh notis.
 4. Menjalankan pembersihan di lokasi tersebut dan bayaran perkhidmatan pembersihan akan dikenakan melalui bil pelbagai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : KEPERLUAN MENAIKTARAF KLINIK-KLINIK DESA DI SELANGOR

262. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah yang akan dan sudah di ambil oleh kerajaan dalam menaiktaraf kemudahan dan struktur klinik-klinik desa di Negeri Selangor?
- b) Apakah usaha kerajaan dalam menangani isu kepadatan pesakit di klinik-klinik desa terutama di sekitar Dun Sungai Kandis?

JAWAPAN:

- a) Klinik Desa pada asasnya hanya memberi perkhidmatan kesihatan ibu dan anak sahaja. Langkah yang telah diambil untuk menaiktaraf kemudahan dan struktur klinik – klinik desa di Negeri Selangor ialah:
 - Menambah skop perkhidmatan yang sedia ada di klinik desa tersebut dengan perkhidmatan pesakit luar, perkhidmatan rawatan kecemasan untuk kes akut, perkhidmatan farmasi dan makmal;
 - Mengubahsuai fasiliti klinik desa supaya semua skop perkhidmatan yang ditambah terdapat ruang yang sesuai dan menambah ruang menunggu mengikut beban kedatangan pesakit di klinik tersebut;
 - Menyediakan peralatan yang sesuai dengan perkhidmatan yang disediakan; dan
 - Menugaskan pegawai perubatan tetap setiap hari di klinik naik taraf tersebut.

Di Negeri Selangor, sebanyak 15 buah Klinik Desa (KD) telah dinaiktaraf kepada Klinik Kesihatan (KK) sejak 2011 sehingga kini. Pada tahun 2019 ini satu (1) buah Klinik Desa, Klinik Desa Rinching Tengah, Semenyih, Hulu Langat akan dinaiktaraf ke Klinik Kesihatan. Senarai Klinik Desa yang telah dinaiktaraf ke Klinik Kesihatan adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Senarai Klinik Desa Yang Telah Dinaiktaraf Di Negeri Selangor

Bil	Daerah	KD naiktaraf KK
1.	Sepang	1. KD Sepang ke KK Sepang
2.	Kuala Selangor	1. KD Sg Tengi Kanan ke KK Sg Tengi Kanan 2. KD Bukit Cherakah ke KK Bukit Cherakah
3.	Sabak Bernam	1. KD Merbau Berdarah ke KK Merbau Berdarah
4.	Petaling	1. KD Bt 131/2, Puchong ke KK Bt 13 ½, Puchong 2. KD Paya Jaras ke KK Paya Jaras
5.	Klang	1. KD Bukit Naga ke KK Bukit Naga 2. KD Rantau Panjang ke KK Rantau Panjang 3. KD Sg Bertek ke KK Sg Bertek (Gantian disebabkan pembinaan jambatan ke 3 Klang) 4.
6.	Gombak	1. KD Bt8 Gombak ke KK Bt 8 Gombak 2. KD Hulu Kelang ke KK Hulu Kelang
7.	Hulu Langat	1. KD Balakong ke KK Balakong 2. KD Sg Sekamat ke KK Sg Sekamat
8.	Kuala Langat	1. KD Sg Lang ke KK Sg Lang 2. KD Kebun Baru ke KK Kebun Baru

- b) Permintaan perkhidmatan kesihatan di Negeri Selangor amatlah tinggi di mana-mana fasiliti kesihatan di negeri ini samada di klinik desa atau di klinik kesihatan. Langkah-langkah penambahbaikan yang telah dilaksanakan mengikut keperluan di fasiliti kesihatan tersebut. Antara usaha-usaha telah dilaksanakan bagi menangani isu kepadatan pesakit di klinik desa, adalah dengan;
- membesarkan /memperluaskan bangunan klinik desa sedia ada dengan memohon dalam projek pembangunan BP006 setiap tahun;
 - memperbaiki sistem temujanji di klinik tersebut;
 - menambahkan bilangan anggota yang bertugas di klinik – klinik desa yang padat dan mempunyai kedatangan pesakit yang tinggi dari masa ke semasa; dan
 - merujuk penduduk / pesakit di kawasan Sungai Kandis mendapatkan perkhidmatan kesihatan di klinik kesihatan yang berdekatan seperti:
 - Klinik Kesihatan Seksyen 19, Shah Alam;
 - Klinik Kesihatan Bandar Botanik, Klang;
 - Klinik Kesihatan Bukit Naga, Klang; dan
 - Klinik Kesihatan Bukit Kuda, Klang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK : LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL DAN PANEL PENASIHAT KLINIK
KESIHATAN DI SELANGOR**

263. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai maklumat mengenai status terkini termasuk jumlah peruntukan Lembaga Pelawat Hospital di Selangor? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai maklumat mengenai status terkini Panel Penasihat Klinik Kesihatan di Selangor? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

JAWAPAN:

- a) Pihak Kementerian Kesihatan telah meluluskan perlantikan Ahli Lembaga Pelawat Hospital bagi semua 12 hospital di Selangor bagi tempoh 01 Januari 2019 hingga 31 Disember 2020. Jumlah Ahli Lembaga Pelawat Hospital yang telah diluluskan oleh Menteri Kesihatan adalah sebanyak 15 orang bagi setiap hospital kecuali Hospital Ampang 13 orang, Hospital Serdang 13 orang dan Hospital Orang Asli Gombak 11 orang. Mengenai jumlah peruntukan bagi Ahli Lembaga Pelawat Hospital adalah sebanyak RM 10,000.00 bagi setiap Hospital dalam setahun. Peruntukan ini akan dimasukkan ke dalam akaun bank Ahli Lembaga Pelawat Hospital secara terus oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- b) Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah menghantar nama – nama calon Panel Penasihat Klinik Kesihatan Negeri Selangor ke Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mendapatkan persetujuan, perakuan dan kelulusan perlantikan Panel Penasihat Klinik Kesihatan. Setakat ini persetujuan, perakuan dan kelulusan sedang dalam tindakan akhir bagi memastikan senarai yang terkini dan lengkap dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Mengenai jumlah peruntukan bagi Panel Penasihat Klinik Kesihatan adalah sebanyak RM 5,000.00 bagi setiap klinik kesihatan dalam setahun. Peruntukan ini akan dimasukkan ke dalam akaun bank Panel Penasihat Klinik Kesihatan secara terus oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : PEMBANGUNAN MASJID DAN SURAU 2019

264. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa Masjid yang akan dibina dengan bantuan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat pada tahun 2019? Sila senaraikan mengikut Daerah.
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai peruntukan untuk membantu membangun surau-surau baru pada tahun 2019?

JAWAPAN:

a)

DAERAH	NAMA	
HULU LANGAT	1	MASJID BANDAR TEKNOLOGI KAJANG
	2	MASJID AL-IKHLAS, TAMAN BUKIT BELIMBING
PETALING	3	MASJID SUBANG BESTARI
	4	MASJID KOTA DAMANSARA 2
KLANG	5	MASJID KOMUNITI CHINA MUSLIM KLANG
GOMBAK	6	MASJID AL AMANIAH (NAIKTARAF)

- b) Kerajaan Negeri memperuntukan siling sebanyak **RM500,000.00** sebuah untuk pembinaan dan naiktaraf 18 buah surau yang terpilih didalam RMKe-11.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)

265. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) PTRS hanya dilaksanakan selama satu tahun, manakala biasanya murid-murid perlu lebih daripada setahun untuk menyediakan diri mereka demi menghadapi pemeriksaan SPM. Adakah program ini memang berkesan dan bagaimanakah kerajaan mengkaji keberkesanannya?

JAWAPAN:

- a) Program Tuisyen Rakyat merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu para pelajar yang sederhana dan lemah serta berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka agar tidak ketinggalan. Sekurang-kurangnya layak mendapat sijil SPM. Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) dilaksanakan selama setahun di mana kelas tuisyen berlangsung selama hanya 8 bulan. Namun begitu, program ini dianggap berkesan dengan adanya beberapa program sokongan seperti Succesfull Intelligence atau Smart Learning dan Pecutan Akhir SPM. Dengan adanya program sokongan yang dibekalkan, maka pelajar PTRS akan lebih bersedia untuk menghadapi peperiksaan SPM.

Terdapat beberapa indikator dalam mengenal pasti keberkesanannya program ini. Pihak kerajaan, khususnya melihat trend pendaftaran pelajar setiap tahun, kehadiran pelajar ke kelas tuisyen dan program-program sokongan, serta keputusan peperiksaan SPM. Ternyata, usaha dan bantuan yang dibekalkan oleh kerajaan sedikit sebanyak membantu dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar-pelajar yang lemah dalam akademik dan kurang berkemampuan untuk pergi ke pusat tuisyen berbayar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : SEKOLAH RENDAH AGAMA (SRA)

266. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah yang diperuntukkan bagi penyelenggaraan dan baikpulih SRA pada tahun ini?
- b) Apakah ada Borang Permohonan khas yang digunakan untuk memohon peruntukan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2019, sebanyak **RM1,000,000.00** diperuntukan bagi penyelenggaraan dan baikpulih SRA.
- b) Tiada borang khas digunakan. Permohonan boleh dikemukakan terus kepada Unit Pembangunan JAIS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

**TAJUK : PENGAMBILAN TANAH UNTUK PROJEK TALIAN PENGHANTARAN
500KV LOJI JANAKUASA TADMAX DI PULAU INDAH KE PMU OLAK
LEMPIT**

267. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Difahamkan Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan pengambilan tanah untuk ini. Sebahagian tanah yang terlibat terletak di Kampung Pulau, DUN Banting. Apakah rasional kerajaan meluluskan permohonan ini?

- b) Adakah pengambilan tanah akan diteruskan sekiranya pembinaan loji janakuasa ini dibatalkan?

JAWAPAN:

- a) Pengambilan tanah bagi cadangan Projek Pembinaan Talian Penghantaran Elektrik 500KV dari Tapak Projek Loji Jana kuasa Kitarpadu Gas di Pulau Indah ke PMU Olak Lempit, Daerah Kuala Langat telah diwartakan di bawah Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960 pada 30hb Ogos 2018 dan melibatkan 145 lot. Pewartaan di bawah peruntukan ini bertujuan untuk membolehkan agensi pemohon memasuki tanah bagi memeriksa dan menjalankan kerja-kerja ukur. Pewartaan ini akan luput sekiranya tiada pewartaan bagi tujuan pengambilan di bawah Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 dilakukan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh penyiaran warta ini.

- b) Sekiranya cadangan projek ini dibatalkan, tiada keperluan untuk meneruskan proses pengambilan tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : MENAIKTARAF TAMAN PERUMAHAN

268. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaiktaraf taman perumahan yang telah berusia melebihi 30 tahun ekoran permasalahan infrastruktur dan perparitan yang tidak diselenggara dengan baik?

JAWAPAN:

- a) PBT sentiasa membuat pemeriksaan berdasarkan jadual pemantauan dan aduan. Berkaitan taman perumahan yang telah melebihi 30 tahun termasuk isu penyelenggaraan, usaha-usaha dengan kadar segera akan dijalankan oleh PBT seperti kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur dan pembaikan sistem perparitan yang telah rosak bagi mengelakkan masalah yang lebih besar berlaku seperti banjir kilat atau limpahan air ke kawasan perumahan. Bagi memastikan pembangunan sesebuah kawasan dilaksanakan secara mampan, PBT akan meneliti isu-isu berbangkit secara holistik di dalam proses membuat Rancangan Tempatan (RT) dengan mengambil kira semua faktor termasuk ciri-ciri fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : MB INCOPORATED (MBI)

269. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Pada 2018, berapa jumlah gaji yang diberikan untuk kakitangan pegawai MBI?

JAWAPAN:

- a) Jumlah keseluruhan gaji pokok yang dibayar oleh MBI Selangor sepanjang tahun 2018 adalah berjumlah RM13,579,031.59

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PROGRAM AIR PERCUMA

270. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selepas penjajaran semula peruntukan Program Air Percuma, fokus diberi kepada golongan B40. Apakah tafsiran golongan B40 yang dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam program air percuma ini? Adakah hanya mereka yang berdaftar atau berada dalam data E-Kasih?

JAWAPAN:

Saya pohon izin Y.B. Tuan Speaker untuk menjawab bersekali kesemua soalan berkenaan Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Sungai Panjang (Soalan No. 123), Yang Berhormat Kota Anggerik (Soalan No. 173), Yang Berhormat Templer (Soalan No.179), Yang Berhormat Balakong (Soalan No. 225) dan Yang Berhormat Bandar Utama (Soalan No. 270).

Untuk makluman Yang Berhormat semua, Program Pemberian Air Percuma 20 meter padu memang telah dilaksanakan bermula pada 01 Jun 2008 dan masih berjalan seperti sedia kala. Sepanjang pelaksanaan program ini, Kerajaan Negeri telah memberikan kemudahan ini kepada semua penduduk Negeri Selangor tanpa mengira lapisan masyarakat dan pendapatan walaupun matlamat asal Program ini adalah bertujuan untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat untuk semua lapisan masyarakat khususnya kepada golongan berpendapatan rendah di seluruh Selangor.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan cadangan Penjajaran Semula Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Untuk Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma seperti berikut:-

- (i) Isi padu air percuma di Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma dinaikkan daripada 20 meter padu kepada 25 meter padu;
- (ii) Penjajaran semula Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma dikuatkuasakan pada 01 Julai 2019 bagi melengkapkan data pengguna oleh Air Selangor. Pengguna yang layak menerima air percuma sebanyak 25 meter padu ini adalah daripada kalangan Kategori B40 yang berdaftar dalam rekod E-Kasih;

- (iii) Pendaftaran berterusan E-Kasih akan dilaksanakan bagi pengguna yang belum didaftarkan;
- (iv) Kadar minimum pendapatan isi rumah bagi Penjajaran Semula Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Untuk Program Pemberian 20 Meter Padu Air Percuma ditetapkan pada RM2,000.00 sebulan; dan
- (v) Penjelasan terperinci hendaklah diberikan kepada rakyat Negeri Selangor melalui *public engagement* yang dibuat oleh Air Selangor melibatkan semua Ahli Dewan Negeri Selangor, Penghulu dan Ketua Kampung menerusi Pejabat Tanah dan Daerah, Ahli-ahli Majlis dan JMB menerusi Pihak Berkuasa Tempatan.

Bermula dari 01 Julai 2019, Program Pemberian Air Percuma ini hanya akan diberikan khusus kepada golongan sasar dalam kumpulan B40 yang berdaftar dengan E-Kasih. Golongan pendapatan isi rumah B40 adalah merujuk kepada pendapatan isi rumah bulanan di bawah RM6,180.00 (bagi Negeri Selangor) berdasarkan kepada rekod Penyiasatan Pendapatan Isi rumah dan Kemudahan Asas (PPIR&KA) 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Kumpulan isi rumah B40 juga termasuk isi rumah miskin yang berpendapatan bulanan kurang daripada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sebagaimana yang ditetapkan dalam Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2016, Kementerian Ekonomi Malaysia (MEA), iaitu nilai PGK nasional adalah RM980.00 sebulan.

E-Kasih adalah satu pangkalan data keluarga miskin yang diwujudkan di peringkat nasional oleh Unit Penyelarasian Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri bagi membantu merancang, melaksana dan memantau program kemiskinan yang mana semua Ketua Isi Rumah (KIR) yang berpendapatan kurang daripada RM1,500 (Bandar) atau RM1,000 (Luar Bandar) sebulan adalah digalakkan mendaftar. Data E-Kasih ini merangkumi profil individu, program/bantuan yang diterima oleh Ketua Isi Rumah (KIR) dan Ahli Isi Rumah (AIR) mengikut Penetapan Garis Kemiskinan (PGK) Negeri Selangor iaitu RM1,500.

Di dalam melaksanakan penjajaran semula Program Pemberian Air Percuma ini, Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) akan melaksanakan padanan (intergrasi) data E-Kasih dengan rekod akaun pengguna domestik Air Selangor. Melalui semakan awal, dianggarkan terdapat 13,000 nama yang layak untuk mendapat manfaat di bawah Program ini.

Bagi nama-nama yang tidak ada dalam E-Kasih, semakan akan dibuat menggunakan data penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Mengikut rekod BSH data tahun 2018, dianggarkan seramai 400,000 nama layak mendapat manfaat Program Pemberian Air Percuma ini, namun padanan data akan dilaksanakan dengan rekod akaun pengebilan di Air Selangor.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri memohon kerjasama dari semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya dapat menggalakkan semua pengguna yang layak untuk mendaftar dengan EKasih dan LHDN bagi memastikan mereka boleh secara automatik menikmati Program Air Percuma ini.

Kerajaan Negeri juga sedang membangunkan data bank bagi penerima IPR ini melalui sistem *Smart IPR* untuk memastikan semua penerima yang layak menerima insentif IPR ini tidak dipinggirkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

TAJUK : KAE DAH MENGHAPUSKAN NYAMUK AEDES

271. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kaedah menghapuskan nyamuk Aedes yang digunakan sejak tahun 2018?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan menggunakan kaedah baru untuk menghapuskan nyamuk Aedes memandangkan kes denggi semakin meningkat? jika ya, nyatakan butir-butirnya.

JAWAPAN:

Soalan berkaitan denggi akan dijawab bersekali termasuk soalan no 35 daripada Yang Berhormat Sungai Pelek, soalan 135 daripada Yang Berhormat Subang Jaya, dan soalan 202 daripada Yang Berhormat Bukit Lanjan.

- a) Langkah-langkah kawalan dan pencegahan denggi bagi menghapuskan nyamuk Aedes yang disyorkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah seperti berikut:
 1. **Langkah-langkah kawalan adalah seperti:**
 - i. Pemantauan kes yang dilaporkan secara harian di peringkat daerah, negeri dan ibu pejabat;
 - ii. Melaksanakan aktiviti kawalan secara berkesan keatas setiap kes yang dilaporkan seperti Pemusnahan Tempat Pembakaran Aedes, Semburan Racun Termal untuk nyamuk dewasa (*fogging* dan *ULV*) dan Semburan Racun untuk membunuh larva (*Larvaciding*);
 - iii. Melaksanakan aktiviti Pendidikan Kesihatan kepada komuniti terlibat – Ceramah, Perbincangan Kumpulan Kecil, Tunjuk Cara, Nasihat Individu, Hebahuan Awam, Risalah, Poster dan Media Luar;
 - iv. Menggerakkan komuniti melaksanakan aktiviti gotong-royong untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembakaran Aedes; dan
 - v. Melaksanakan aktiviti penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975.

2. Langkah-langkah pencegahan adalah seperti:

- i. Pemantauan indeks pembiakan Aedes di kawasan berisiko tinggi denggi dan kawasan tumpuan awam;
 - ii. Melaksanakan aktiviti Penghapusan Tempat Pembiakan Aedes kawasan berisiko tinggi denggi dan kawasan tumpuan awam;
 - iii. Melaksanakan Semburan Kabus (*fogging*) pencegahan di kawasan yang mempunyai indeks pembiakan Aedes yang tinggi;
 - iv. Melaksanakan aktiviti penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975; dan
 - v. Melaksanakan aktiviti Pendidikan Kesihatan kepada komuniti setempat.
- b) Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri akan menggunakan tambahan strategi baru dalam kawalan dan pencegahan denggi iaitu;
- i) Kawalan biologi menggunakan Nyamuk Aedes dengan Wolbachia. Wolbachia adalah sejenis mikroorganisme yang hidup secara semulajadi dalam organ-organ pembiakan serangga. Ia wujud dalam kira-kira 60 peratus serangga kecuali nyamuk Aedes Aegypti. Oleh kerana Wolbachia tidak terdapat dalam nyamuk Aedes Aegypti seperti kebanyakan serangga lain, maka suntikan akan dilakukan di dalam makmal sebelum ia dilepaskan ke lapangan. Setelah membiak dalam jangka masa yang tertentu, kebanyakan nyamuk Aedes Aegypti di dalam kawasan itu akan mengandungi Wolbachia dan tidak mempunyai virus denggi. Negara yang telah menjalankan kawalan rintis ini adalah seperti Indonesia, Singapura, Thailand, China, Brazil dan Australia. Kajian rintis di Malaysia telah dijalankan di 7 lokaliti *Hotspot* di Selangor dan menunjukkan kejayaan penurunan 50-80% kes di lokaliti tersebut. Kawalan biologi ini akan dikembangkan di lokaliti-lokaliti tumpuan lain terutama lokaliti Wabak Tak Terkawal dan Hotspot.
 - ii) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan sedang merancang melaksanakan **Program Selangor Bebas Aedes di Tempat Kerja dan Kuarters**. Agensi yang terlibat adalah semua agensi kerajaan samada persekutuan mahupun kerajaan negeri termasuk Agensi Berkaitan Kerajaan (GLC) dan anak syarikat di bawah kerajaan negeri. Program ini merupakan pemerkasaan anggota kerajaan dalam pengwujudan kawasan bebas Aedes di tempat kerja dan kuarters kerajaan. Ia akan dilancarkan pada bulan April ini dengan beberapa siri

pendedahan dan latihan yang diadakan oleh Kerajaan Negeri. Di antara aktiviti utama yang akan dilaksanakan adalah;

- Menjalankan alert kes dan wabak demam denggi oleh Pejabat Kesihatan Daerah kepada jabatan yang terlibat untuk tindakan kawalan dan pencegahan;
 - Menjalankan Pemusnahan Tempat Pembibitan Aedes di tempat kerja secara berkala;
 - Mewujudkan jaringan maklumat berkaitan situasi demam denggi di tempat kerja seperti melalui Whatsapp, Facebook dan lain-lain;
 - Mewujudkan kumpulan sukarelawan denggi menggunakan konsep *Corporate Social Responsibility* (CSR) di kalangan warga tempat kerja bagi membantu lokaliti wabak dan hotspot; dan
 - Menjalankan aktiviti penguatkuasaan di tempat kerja dan kuarters.
- iii) Pihak Jabatan Kesihatan Negeri juga telah melancarkan beberapa siri kempen iaitu yang sedang dilaksanakan adalah **Kempen Selangor Gempur Aedes** Siri 2/2019 selama 6 minggu bermula dari 25.02.19 sehingga 7.04.19 (tempoh 6 minggu) dengan penumpuan aktiviti kepada :
- Memperkuuhkan aktiviti Pemusnahan Tempat Pembibikan Aedes secara berfokus di lokaliti sporadik terpilih;
 - Memperkuuhkan *One Stop Crisis Centre* (OSCC) daerah bagi merancang dan menyelaras aktiviti kawalan denggi bersama agensi lain terutama pihak berkuasa tempatan bagi meningkat dan mengoptimakan semua sumber di daerah;
 - Mengoptima anggota di Pejabat Kesihatan Daerah melibatkan aktiviti Pemusnahan Tempat Pembibikan Aedes dan *lrvaciding* terutama selepas waktu pejabat, cuti hujung minggu dan kelepasan am;
 - Meneruskan aktiviti penguatkuasaan di tempat tumpuan awam yang berisiko kepada punca jangkitan Aedes; dan
 - Menggalakkan semua lokaliti COMBI menjalankan aktiviti promosi kesihatan rumah ke rumah dan pemusnahan tempat pembibikan denggi pada setiap hujung minggu. Di samping itu juga menggalakkan mobilisasi ahli COMBI ke lokaliti *Hotspot* dan wabak tak terkawal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : RANCANGAN PROJEK PENGUKUHAN DAN PENAIKTARAFAN DI
SUNGAI KAYU ARA**

272. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) JPS Selangor telah membuat kajian Projek Pengukuhan Tebing Sungai Kayu Ara serta isu-isu banjir disitu. Kajian membuktikan pentingnya projek-projek penaiktarafan tersebut dilaksanakan bagi mengelak isu banjir dan hakisan tanah. Apakah terdapat rancangan JPS Selangor bagi melaksanakan cadangan-cadangan tersebut tahun ini?

JAWAPAN:

- a) Cadangan kerja-kerja Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kayu Ara di Taman Mayang dan Kg Chempaka masih di bawah pertimbangan kelulusan JPS Malaysia. Sekiranya diluluskan, proses rekabentuk terperinci akan dijalankan dan jangkaan bagi pelaksanaan fizikal adalah pada tahun 2020. Bagi tindakan jangka masa pendek, kerja-kerja penyelenggaraan akan dilaksanakan pada pertengahan tahun 2019.